



KENYATAAN MEDIA

CYBERJAYA

9 April 2024

TIKTOK DAN META PERLU PANTAU KANDUNGAN MEMUDARATKAN DENGAN LEBIH PROAKTIF

Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil telah mempengerusikan mesyuarat bersama penyedia platform dalam talian iaitu TikTok dan Meta bagi memastikan penyedia platform memantau kandungan (*content moderation*) dengan lebih holistik dan proaktif.

Ini merupakan usaha bersepada MCMC bersama pelbagai jabatan dan agensi penguatkuasaan bagi menangani penyebaran kandungan yang menyentuh sensitiviti 3R (*Race, Religion and Royalty*).

Pada mesyuarat yang diadakan di Ibu Pejabat MCMC di Cyberjaya, Selangor semalam, kedua-dua penyedia platform telah diminta untuk meningkatkan usaha pemantauan susulan peningkatan kandungan dalam talian yang memudaratkan.

Berdasarkan statistik MCMC, terdapat peningkatan kandungan memudaratkan di media sosial dan platform *Over The Top*. Bagi tiga bulan pertama tahun ini sahaja, sejumlah 51,638 kes telah dipanjangkan kepada penyedia platform dalam talian untuk tindakan lanjut. Jumlah ini adalah tinggi berbanding 42,904 kes kandungan direkodkan sepanjang tahun lalu.

Penyedia platform turut diminta menangani kandungan berkaitan 3R secara efektif dengan merujuk garis panduan platform dan undang-undang Malaysia. Selain itu, TikTok dan Meta digesa untuk membendung kandungan kelakuan tidak sahih tersusun (*Coordinated Inauthentic Behaviour*), serta memantau dan mengambil tindakan segera ke atas kandungan memudaratkan seperti scam serta perjudian haram dalam talian.



Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil mempengerusikan mesyuarat bersama TikTok dan Meta.

Perkara-perkara lain yang dibincangkan termasuk penambahbaikan terhadap keselamatan dalam talian (*online safety*) khususnya melakukan pengesahan umur minimum 13 tahun untuk mengakses platform media sosial. Ini bagi memastikan kanak-kanak tidak terpengaruh dengan kandungan memudaratkan di media sosial. Pada masa sama, melihat semula kecekapan algoritma yang memacu Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) dan keupayaan pembelajaran mesin bagi mengesan kandungan 3R, kelakuan tidak sahih tersusun (*Coordinated Inauthentic Behaviour*) atau sebarang kandungan memudaratkan.

TikTok dan Meta telah disyaratkan untuk menyediakan pelan penambahbaikan dan strategi dengan butiran menyeluruh sebagaimana dipersetujui dalam mesyuarat.

Pada pertemuan semalam, turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching; Penggerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din; Ketua Pengarah Keselamatan Negara, YM Raja Dato' Nurshirwan bin Zainal Abidin; wakil Polis Diraja Malaysia yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan Undang-Undang (D5) Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, SAC Datuk Mohamad Zainal bin Hj Abdullah, serta wakil daripada Jabatan Peguam Negara.

KENYATAAN MEDIA BERSAMA: KOMUNIKASI KORPORAT MCMC & PDRM